



ihسان

No.18 Jun 2006

MICA (P) 239/08/2005

Cabaran berbeza bantu ringankan beban keluarga

MTFA: Pemohon harapkan bantuan kebajikan terus bertambah

JUMLAH pemohon yang datang untuk mendapatkan bantuan kewangani semakin bertambah setiap hari.

ia boleh dianggap sebagai satu perkara yang berterusan dan tidak dapat diramal bila ia akan berakhir.

Setiap mereka yang memohon itu, apabila ditemu siasat menyuarakan masalah yang hampir sama seperti kesukaran menyara hidup seharian ekoran berbagai masalah keluarga yang dihadapi.

Selain daripada orang-orang tua, uzur, menghidap penyakit berlarutan dan mereka yang cacat anggota, cacat penglihatan yang tergolong dalam golongan fakir dan miskin, tidak kurang ramainya ibu-ibu muda dan ibu-ibu tunggal yang datang memohon.

Kepada Persatuan Derma Amanah Muslimin (MTFA) keadaan tersebut dianggap amat serius dan memperhebat lagi cabaran-cabaran yang perlu diatasi.

Memandangkan cabaran-cabaran yang dihadapi hari ini jauh lebih berbeza berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya MTFA akan lebih meneliti masalah-masalah pemohon itu terutama masalah-masalah yang di hadapi oleh ibu-ibu muda dan ibu-ibu tunggal tersebut.

Jika biasanya mereka yang dibantu itu ialah golongan fakir dan miskin, orang-orang tua yang uzur, cacat anggota dan sebagainya tetapi apa yang dihadapi MTFA hari ini ialah ibu-ibu muda dan ibu-ibu tunggal yang bermasalah.

Kebanyakan masalah yang dihadapi oleh ibu-ibu tersebut itu ialah masalah menyara hidup seharian akibat perceraian atau suami mereka yang masih muda dan tidak mempunyai pekerjaan tetap.

Dalam banyak perkara dan setelah ditemu siasat perceraian adalah antara punca utama menyebabkan bertambahnya jumlah ibu-ibu tunggal yang bermasalah dan mengharapakan bantuan kebajikan itu..

Lebih menyedihkan, mereka ini terpaksa menanggung anak-anak yang masih bersekolah atau anak-anak kecil yang hak penjagaanya

diserahkan kepada mereka apabila bercerai.

Nafkah anak yang sepatutnya dibayar kepada ibu tunggal itu biasanya kurang diambil berat oleh bekas-bekas suami mereka walaupun telah diarahkan oleh mahkamah.

Jadi nyatalah bahawa tanggungan ibu-ibu tunggal tersebut menjadi lebih berat kerana bukan sahaja mereka terpaksa menanggung perbelanjaan anak-anak mereka tetapi beberapa tanggungan lain berkaitan dengan hutang.

Ini termasuk juga tunggakan hutang yang perlu dijelaskan seperti bayaran menyewa atau membeli flat, bayaran kemudahan awam, hutang

pembelian barang-barang secara ansuran ketika sebelum perceraian.

Yang lebih merumitkan lagi ialah ibu-ibu tersebut tidak dapat bekerja untuk menyara hidup kerana terpaksa menjaga anak-anak yang masih kecil dan bersekolah.

Bagaimanapun setelah permohonan mereka ditimbang, bantuan sementara akan diagih mengikut kriteria yang telah ditetapkan oleh MTF A..

Selain bantuan kebajikan tersebut MTF A menyediakan juga bantuan pendidikan kepada anak-anak penerima bantuan kebajikannya.